

um/6453/um/27-09-2001/p:26(4)

UM lancar Tabung Kebajikan Staf

SINTOK 26 Sept. — Universiti Utara Malaysia (UUM) melancarkan Tabung Kebajikan Staf bertujuan memberi bantuan kebajikan kepada kakitangannya yang ditimpa sebarang musibah atau bencana.

Tabung tersebut dilancarkan oleh Naib Canselor UUM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Fawzi Mohd. Basri dalam satu majlis khas di Bilik Senat UUM, di sini, hari ini.

Seramai 21 orang kakitangan terdiri daripada mereka yang kematian ibu bapa, anak dan yang ditimpa bencana seperti rumah di-

pukul ribut menerima bantuan tersebut.

Turut menerima sumbangan ialah kakitangan yang baru melangsungkan perkahwinan dan mendapat cahaya mata.

Tabung Kebajikan Staf UUM diwujudkan di bawah Majlis Kebajikan, Sukan dan Kebudayaan (MKSU) UUM yang ditubuhkan tahun lalu.

Tabung tersebut diwujudkan atas ilham Dr. Ahmad Fawzi sendiri apabila beliau dilantik menjadi Naib Canselor pada 31 Mei lalu.

Ketika berucap di majlis tersebut Dr. Ahmad Fawzi menjelaskan bahawa setiap kakitangan universiti diminta menyumbang RM1 kepada tabung itu dan pihak pentadbiran universiti pula menokok RM2 atas setiap sumbangan kakitangan.

Pada masa ini UUM mempunyai seramai 1,700 orang kakitangan.

Beliau berharap tabung ini menjadi pemangkin kepada perpaduan di kalangan kakitangan UUM dan seterusnya memupuk semangat untuk bekerja dengan lebih cemerlang.

Beliau memberitahu, sebanyak

60 peratus daripada dana tabung ini akan disalurkan untuk tujuan kebajikan kakitangan UUM manakala 40 peratus lagi untuk kegiatan sukan dan kebudayaan kakitangan universiti.

Ini menunjukkan bahawa UUM memberi tumpuan dan keutamaan kepada soal kebajikan kakitangannya, kata Dr. Ahmad Fawzi.

Beliau juga menyeru kakitangan UUM supaya menyumbangkan perkhidmatan yang lebih baik dan cemerlang sebagai balasan kepada sumbangan kebajikan oleh pihak universiti.